

Ruj. Kami : USMJPBPSM (aspiran) 9/10 JLD.III

Tarikh : 13 September 2023

Kepada : Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan/Penyelaras/  
Pusat Pengajian/Pusat/Institut/Jabatan/Unit/  
Kampus Induk/Kampus Kejuruteraan/Kampus Kesihatan

## Memorandum

Bangunan Canselori  
(Chancellory Building)

11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 04-6533888  
www.usm.my

### HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 53/2023 - IKLAN JAWATAN OMBUDSMAN DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Sains Malaysia mempelawa staf yang berminat dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan sebagai Ombudsman.

3. Sehubungan itu, bersama ini disertakan iklan untuk dimaklumkan kepada staf di jabatan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 27 September 2023 (Rabu).**

4. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan bagi memajukan hebahan iklan ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD AZIZUDIN MOHD SHARIFF)**  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

Tel : 604-653 6070

| Emel : azizudin@usm.my |

Faks : 604-653 4315


s.k. Naib Canselor

Pendaftar

Timbalan Pendaftar Kanan  
Jabatan Pendaftar, Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar  
Jabatan Pendaftar, Kampus Kejuruteraan

Ketua Pentadbiran  
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju





**IKLAN JAWATAN OMBUDSMAN**  
**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)**  
**(EDARAN DALAMAN USM)**

Staf USM adalah dipelawa untuk mengisi jawatan Ombudsman Universiti Sains Malaysia (USM).

Maklumat jawatan ini adalah seperti berikut :-

**1. Jawatan**

Ombudsman

**2. Kumpulan Perkhidmatan**

Pengurusan Tertinggi

**3. Tempoh Lantikan**

Tidak melebihi tiga (3) tahun untuk setiap lantikan dan tertakluk kepada keputusan Lembaga Gabenor Universiti (LGU) USM.

**4. Imbuhan**

Imbuhan yang dibayar adalah berdasarkan kelayakan yang sedang dikuatkuasa oleh USM.

**5. Fungsi dan Kuasa**

Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan, tugas Ombudsman termasuklah:

- (a) Menjadi ketua Pejabat Ombudsman;
- (b) Menasihati Pihak Berkuasa Universiti berkaitan dengan perkara yang melibatkan apa jua aduan pekerja dan pelajar Universiti;
- (c) Mengawas dan menyelia aktiviti Pejabat Ombudsman;
- (d) Menasihati Pihak Berkuasa Universiti mengenai hal berkaitan dengan prinsip Ombudsman;
- (e) Menyiasat sesuatu aduan dan memberikan pandangan bagi penyelesaian sesuatu aduan ke arah kebaikan Universiti;
- (f) Menambah baik sistem penyampaian aduan Universiti dengan mengamalkan prinsip teras Ombudsman iaitu neutraliti, kerahsiaan dan informaliti; dan
- (g) Menjalankan tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

## 6. Prinsip dan Kod Etika

- (a) Ombudsman Universiti Sains Malaysia mengamalkan prinsip dan amalan antarabangsa seperti yang disyorkan oleh Persatuan Ombudsman Antarabangsa (*International Ombudsman Association*), khususnya mengenai Piawaian Amalan dan Kod Etika Ombudsman.
- (b) Amalan ini memerlukan Ombudsman Universiti Sains Malaysia berfungsi dengan bebas, menjaga rahsia dan tidak memihak, serta menghadkan pengendalian aduan dan penyelesaian pertikaian kepada kaedah yang tidak formal, tetapi penuh integriti.

## 7. Cara Memohon

Calon yang berminat perlu mengemukakan permohonan rasmi dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut : -

- (a) 'Curriculum Vitae' (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran pasport. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut :
  - (i) Latar belakang diri termasuk e-mel, alamat surat menyurat dan nombor telefon untuk dihubungi.
  - (ii) Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya termasuk jawatan pentadbiran yang telah dan sedang disandang.
  - (iii) Dua (2) nama penyokong sebagai rujukan (*referee*).
- (b) Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi untuk portfolio jawatan sekiranya berjaya dilantik sebagai Ombudsman USM
- (c) Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke pegawai dan alamat berikut :

**Encik Mohd Azizudin Bin Mohd Shariff**

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia  
Jabatan Pendaftar  
Aras 4, Bangunan Canselori,  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang  
Tel: 04-6536070/ E-mel: azizudin@usm.my

## 8. Tarikh Tutup

Tarikh tutup permohonan jawatan ini adalah pada **27 September 2023 (Rabu)**.

**9. Catatan Tambahan**

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu bual.
  - (b) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/temu bual jawatan ini tidak akan ditanggung oleh USM.
  - (c) Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.
-